(d)	<p>Jika jisim plastisin yang digunakan adalah 20 g, didapati masa yang diambil oleh plastisin untuk 5 ayunan lengkap adalah 26 saat berbanding jika jisim plastisin yang digunakan adalah 60 g, masa yang diambil plastisin untuk 5 ayunan lengkap adalah 46 s. <i>If the mass of plasticine used is 20 g, it is found that the time taken by the plasticine for 5 complete oscillations is 26 seconds compared to if the mass of plasticine used is 60 g, the time taken by the plasticine for 5 complete oscillations is 46 s.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Apabila jisim plastisin meningkat dari 20 g ke 60 g, masa yang diambil untuk 5 ayunan lengkap juga meningkat. <i>When the mass of plasticine increases from 20 g to 60 g, the time taken for 5 complete oscillations also increases.</i></p>	1	5

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
3	(a)	(i) Warna hirisan buah pear selepas direndam dalam larutan dan dibiarkan terdedah kepada udara selama 15 minit. <i>The colour of pear slices after soaking in the solution and leaving it exposed to air for 15 minutes</i> Penjelasan / Explanation: Dalam eksperimen ini, perubahan warna hirisan buah pear menunjukkan kesan pengoksidaan yang berlaku dalam larutan yang berbeza. Ini menunjukkan bahawa warna adalah pemboleh ubah yang bergerak balas terhadap pengoksidaan. <i>In this experiment, the colour change of pear slices shows the effects of oxidation occurring in different solutions. This shows that colour is a variable that responds to oxidation.</i>	1	
		(ii) Memerhatikan keadaan warna kedua-dua hirisan pear yang direndam dalam dua jenis larutan berbeza (larutan gula dan larutan limau nipis) selepas 15 minit terdedah kepada udara. <i>Observing the colour condition of both pear slices soaked in two different solutions (sugar solution and lime juice) after being exposed to air for 15 minutes.</i> Penjelasan / Explanation: Dengan memerhatikan kedua-dua hirisan pear pada masa yang sama, kita dapat memastikan bahawa sebarang perubahan warna adalah disebabkan oleh larutan yang digunakan dan bukan oleh faktor lain. <i>By observing both pear slices at the same time, we can ensure that any colour change is due to the solution used and not influenced by other factors.</i>	1	
		(iii) Proses pengoksidaan hirisan buah pear adalah proses perubahan warna hirisan buah pear dari putih kepada perang selepas direndam dalam larutan gula selama 15 minit. <i>The process of oxidation of pear slices is the process of changing the colour of pear slices from white to brown after soaking in a sugar solution for 15 minutes.</i> Penjelasan / Explanation: Pernyataan ini jelas menunjukkan perubahan yang berlaku akibat pengoksidaan, dan masa yang ditetapkan memberikan konteks yang tepat untuk mengukur kesan larutan terhadap hirisan buah pear <i>This statement clearly indicates the change that occurs due to oxidation, and the specified time provides a precise context for measuring the effect of the solution on the pear slices.</i>	1	
		(iv) Jus limau nipis dapat menghalang pengoksidaan hirisan buah pear (larutan antioksidan), manakala larutan gula tidak menghalangnya (bukan larutan antioksidan). <i>Lime juice can prevent the oxidation of pear slices (antioxidant solution), while sugar solution does not prevent it (not an antioxidant solution).</i> Penjelasan / Explanation: Jus limau nipis merupakan larutan antioksidan yang melambatkan tindak balas pengoksidaan. <i>Lime juice is an antioxidant solution that slows down the oxidation reaction.</i>	1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
	(b)	<p>Untuk menunjukkan perubahan warna hirisan buah pear yang berlaku secara semula jadi akibat pengoksidaan tanpa sebarang larutan.</p> <p><i>To show the colour change of pear slices that occurs naturally due to oxidation without any solution.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Set kawalan membantu membandingkan kesan larutan (seperti 1 larutan gula atau jus limau nipis) dengan keadaan asal tanpa sebarang larutan, supaya kita boleh menentukan sama ada larutan tersebut benar-benar menghalang atau melambatkan pengoksidaan.</p> <p><i>A control set helps compare the effects of a solution (such as a sugar solution or lime juice) to the original condition without any solution, so we can determine whether the solution actually prevents or slows down oxidation.</i></p>	1	5
4	(a)	<p>Masa yang diambil untuk melunturkan warna larutan metilena biru dalam sampel air sungai adalah 60 minit, lebih cepat berbanding air tasik.</p> <p><i>The time taken to decolourise the methylene blue solution in the river water sample is 60 minutes, faster than lake water sample.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.1</p> <p><i>As showed in Diagram 4.1</i></p>	1	
	(b)	<p>Masa yang diambil untuk melunturkan warna larutan metilena biru dalam sampel air sungai adalah 60 minit kerana kerana kandungan oksigen terlarut yang lebih rendah dalam air sungai berbanding air tasik.</p> <p><i>The time taken to decolourises methylene blue solution in a river water sample was 60 minutes due to the lower dissolved oxygen content in river water compared to lake water.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Air sungai mungkin mengandungi lebih banyak bahan organik atau mikroorganisma yang membantu dalam penguraian warna larutan biru metilena dengan lebih cepat berbanding dengan air tasik.</p> <p><i>The river water may contain more organic matter or microorganisms that aid in the decomposition of the methylene blue solution colour more quickly compared to lake water.</i></p>	1	
	(c)	<p>Gunakan isi padu larutan metilena biru yang sama bagi setiap sampel air.</p> <p><i>Use the same volume of methylene blue solution for each water sample.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Supaya keputusan masa penyahwarnaan hanya dipengaruhi oleh jenis sampel air, bukan oleh perbezaan isi padu metilena biru.</p> <p><i>So that the decolourisation time is only affected by the type of water sample, not by differences in the volume of methylene blue.</i></p>	1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
	(d)	<p>Sampel air tasik → Sampel air sungai → Sampel air M <i>Lake water sample → River water sample → Water sample M</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Semakin singkat masa yang diambil, semakin tinggi tahap pencemaran. Oleh itu, sampel air tasik yang mengambil masa 90 saat menunjukkan tahap pencemaran yang paling rendah, diikuti oleh sampel air sungai dan kemudian sampel air M yang menunjukkan tahap pencemaran paling tinggi. <i>The shorter the time taken, the higher the level of pollution. Therefore, the lake water sample, which takes 90 seconds, shows the lowest level of pollution, followed by the river water sample, and then water sample M, which shows the highest level of pollution.</i></p>	1	5
	(e)	<p>Air tasik mengambil masa yang lebih lama (90 minit) untuk melunturkan warna larutan metilena biru berbanding air sungai (60 minit). <i>Lake water takes a longer time (90 minutes) to decolourise the methylene blue solution compared to river water (60 minutes).</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Masa penyahwarnaan/pelunturan yang lebih lama dalam air tasik (90 minit) adalah bukti yang menyokong pernyataan: air tasik kurang tercemar dan oleh itu lebih selamat. <i>The longer decolourisation time in lake water (90 minutes) is evidence that supports the statement: lake water is less polluted and therefore safer.</i></p>	1	

Bahagian B/Section B

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
5	(a)	(i) Milimeter merkuri <i>Millimetres of mercury</i>	1	
		(ii) Hipertensi // Tekanan darah tinggi <i>Hypertension // High blood pressure</i>	1	
		<p>Penjelasan / Explanation: Milimeter merkuri adalah unit pengukuran bagi sfigmomanometer <i>Millimetres of mercury is the unit of measurement for the sphygmomanometer</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Bacaan tekanan darah yang tinggi (160/100 mmHg) menunjukkan bahawa individu tersebut mungkin mengalami hipertensi <i>A high blood pressure reading (160/100 mmHg) indicates that the individual may have hypertension.</i></p>		

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
	(iii)	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan pengambilan garam, lemak tepu, dan gula, serta meningkatkan pengambilan buah-buahan, sayur-sayuran, dan bijirin penuh. <i>Reducing the intake of salt, saturated fats, and sugar, while increasing the consumption of fruits, vegetables, and whole grains.</i> Melakukan aktiviti fizikal secara berkala untuk membantu menurunkan tekanan darah dan meningkatkan kesihatan jantung. <i>Engaging in regular physical activity to help lower blood pressure and improve heart health.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Mengamalkan pemakanan sihat dan melakukan aktiviti fizikal secara berkala adalah penting kerana kedua-duanya dapat membantu mengawal tekanan darah dan mengurangkan risiko penyakit jantung. Pemakanan yang kaya dengan nutrien menyokong kesihatan kardiovaskular, manakala aktiviti fizikal meningkatkan peredaran darah dan menguatkan jantung. <i>Adopting a healthy diet and engaging in regular physical activity are essential as both can help control blood pressure and reduce the risk of heart disease. A nutrient-rich diet supports cardiovascular health, while physical activity enhances blood circulation and strengthens the heart.</i></p>	1 1	
(b)	(i)	<p>Individu P mengalami hipotensi (tekanan darah rendah) manakala individu Q mengalami hipertensi (tekanan darah tinggi) <i>Individual P has hypotension (low blood pressure) while individual Q has hypertension (high blood pressure)</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Individu P mengalami hipotensi (tekanan darah rendah) kerana bacaan tekanan darahnya adalah 85/60 mmHg, yang menunjukkan gejala seperti penglihatan kabur dan pucat. Individu Q mengalami hipertensi (tekanan darah tinggi) kerana bacaan tekanan darahnya adalah 180/110 mmHg, yang menunjukkan gejala seperti degupan jantung tidak teratur dan sakit kepala yang teruk. <i>Individual P has hypotension (low blood pressure) as their blood pressure reading is 85/60 mmHg, which shows symptoms like blurry vision and paleness. Individual Q has hypertension (high blood pressure) as their blood pressure reading is 180/110 mmHg, which shows symptoms like irregular heartbeat and severe headaches.</i></p>	1	
	(ii)	<p>Tekanan darah apabila otot jantung <i>Blood pressure when hear muscle are</i></p> <ul style="list-style-type: none"> mengecut / <i>contract</i>: 85 mmHg bagi individu P manakala 180 mmHg bagi individu Q. <i>85 mmHg for individual P while 180 mmHg for individual Q.</i> berchat / <i>relax</i>: 60 mmHg bagi individu P manakala 110 mmHg bagi individu Q. <i>60 mmHg for individual P while 110 mmHg for individual Q.</i> 	1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
		<p>Penjelasan / Explanation: Tekanan sistolik menunjukkan tekanan dalam arteri apabila jantung mengecut, manakala tekanan diastolik menunjukkan 1 tekanan dalam arteri apabila jantung berehat. <i>Systolic pressure indicates the pressure in the arteries when the heart contracts, while diastolic pressure indicates the pressure in the arteries when the heart relaxes.</i></p>		6
6	(a)	(i) Kulat <i>Fungi</i>	1	
		<p>Penjelasan / Explanation: Mikroorganisma P digunakan dalam penapaian makanan seperti pulut masak dan doh roti. Ini menunjukkan bahawa mikroorganisma P ialah yis. Yis adalah dalam kumpulan kulat (fungi). <i>Microorganism P is used in the fermentation of foods such as cooked glutinous rice and bread dough. This indicates that microorganism P is yeast. Yeast is in the group of fungi.</i></p>		
	(ii) Pertunasan <i>Budding</i>	1		
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> Mikroorganisma P menaikkan doh roti dalam Proses 2 melalui proses fermentasi. <i>Microorganism P raises the bread dough in Process 2 through the process of fermentation.</i> Semasa fermentasi, mikroorganisma P (yis) memecahkan gula dalam doh menjadi etanol dan karbon dioksida. <i>During fermentation, microorganism P (yeast) breaks down the sugars in the dough into ethanol and carbon dioxide.</i> Karbon dioksida yang dihasilkan menyebabkan pembentukan gelembung gas dalam doh, yang seterusnya menaikkan doh dan menjadikannya lebih ringan dan gebu. <i>The carbon dioxide produced causes the formation of gas bubbles in the dough, which in turn raises the dough, making it lighter and fluffier.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Fermentasi ialah proses di mana mikroorganisma seperti yis (kulat) memecahkan gula kepada bahan lain seperti alkohol, gas karbon dioksida atau asid dalam keadaan tanpa oksigen <i>Fermentation is a process where microorganisms such as yeast (a type of fungus) break down sugars into other substances like alcohol, carbon dioxide gas, or acids in the absence of oxygen.</i></p>	2	


Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
	(c)	<ul style="list-style-type: none"> Proses 1 mengambil masa yang lebih lama (3 hari), manakala Proses 2 hanya mengambil masa kira-kira 1 jam. <i>Process 1 takes a longer time (3 days), while Process 2 only takes about 1 hour.</i> Proses 1 melibatkan penapaian alkohol yang menghasilkan alkohol daripada pulut dan gula, manakala Proses 2 menghasilkan gas karbon dioksida untuk mengembangkan doh roti. <i>Process 1 involves alcoholic fermentation that produces alcohol from glutinous rice and sugar, while Process 2 involves the production of carbon dioxide gas to make bread dough rise.</i> Dalam Proses 1, alkohol merupakan hasil utama dan digunakan dalam pembuatan makanan tradisional seperti tapai, manakala dalam Proses 2, gas adalah hasil utama yang digunakan dalam pembuatan roti. <i>In Process 1, alcohol is the main product and is used in making traditional fermented food like tapai, whereas in Process 2, gas is the main product used in baking bread.</i> <p style="text-align: right;">(mana-mana dua jawapan) (any two answers)</p> <p>Penjelasan / Explanation: Perbezaan antara Proses 1 dan Proses 2 berlaku kerana tujuan dan hasil akhir penapaian adalah berbeza. Dalam Proses 1, matlamat utamanya adalah untuk menghasilkan alkohol melalui penapaian untuk membuat makanan tradisional seperti tapai. Manakala dalam Proses 2, tumpuannya adalah menghasilkan gas karbon dioksida untuk mengembangkan doh roti, yang berlaku dengan lebih cepat dan biasanya bermula secara aerob. Jenis penapaian, masa yang diperlukan dan hasil yang terhasil semuanya disesuaikan dengan jenis makanan yang dihasilkan. <i>The differences between Process 1 and Process 2 are due to the different purposes and end products of the fermentation process. In Process 1, the main goal is to produce alcohol through for making traditional fermented foods like tapai. Meanwhile, Process 2 focuses on producing carbon dioxide gas to make bread dough rise, which happens more quickly and usually starts with aerobic conditions. The type of fermentation, the time needed, and the products formed are all adapted to suit the specific food being prepared.</i></p>	2	6
7	(a)	Karbon // Hidrogen <i>Carbon // Hydrogen</i> <p>Penjelasan / Explanation: Sebatian hidrokarbon terdiri sepenuhnya daripada atom karbon dan hidrogen sahaja. <i>Hydrocarbon compounds are made up entirely of carbon and hydrogen atoms only.</i></p>	1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
(b)	<p>Butena <i>Butene</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Hidrokarbon X ialah butena kerana ia mempunyai empat atom karbon dalam rantai utamanya, mengandungi ikatan berganda antara dua atom karbon menunjukkan ia dalam kumpulan alkena. <i>Hidrokarbon X is butene because it has four carbon atoms in its main chain, contains a double bond between two carbon atom showed it belong to alkene group.</i></p>	1	6	
(c)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebatiannya W dan X mempunyai empat atom karbon. <i>Compound W and X has four carbon atoms.</i> • Sebatiannya W mempunyai ikatan kovalen tunggal antara semua atom karbon manakala sebatian X mempunyai satu ikatan ganda dua antara dua atom karbon. <i>Compound W has a single covalent bond between all carbon atoms while compound X has one double bond between two carbon atoms.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Kedua-dua sebatian mempunyai bilangan atom karbon yang sama, tetapi jenis ikatan yang berbeza. <i>Both compounds have the same number of carbon atoms, but the different types of bonds.</i></p>	1 1		
(d)	<ul style="list-style-type: none"> • Gas metana yang dihasilkan daripada sisa makanan adalah sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Ini membantu mengurangkan ketergantungan kepada bahan bakar fosil. <i>Methane gas produced from food waste is a renewable energy source. It helps reduce dependency on fossil fuels.</i> • Menggunakan sisa makanan untuk menghasilkan gas metana menggalakkan pengurusan sisa yang lebih baik dan mengurangkan jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan. <i>Utilizing food waste to produce methane gas promotes better waste management and reduces the amount of waste sent to landfills.</i> • Proses penjanaan elektrik daripada gas metana adalah lebih cekap berbanding dengan pembakaran sisa makanan secara langsung. <i>The process of generating electricity from methane gas is more efficient compared to directly burning food waste.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Penggunaan gas metana yang terhasil daripada sisa makanan untuk menjana tenaga elektrik adalah langkah yang bijak dari segi alam sekitar dan ekonomi, kerana ia menggalakkan penggunaan sumber tenaga terbaharu, mengurangkan pencemaran, dan meningkatkan pengurusan sisa. <i>The use of methane gas produced from food waste to generate electrical energy is a wise step environmentally and economically, as it promotes the use of renewable energy sources, reduces pollution, and enhances waste management.</i></p>	2		

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
8	(a)	<p>Barbiturat // Alkohol // Amfetamina // Pelarut // Ketamin <i>Barbiturate // Alcohol // Amphetamine // Solvent // Ketamine</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Setiap contoh ini mewakili kategori dadah yang berbeza, dengan kesan yang berbeza terhadap badan, dan penting untuk memahami risiko yang berkaitan dengan penggunaannya. <i>Each of these examples represents a different category of drugs, with varying effects on the body, and it is important to understand the associated risks of their use.</i></p>	1	
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> Fungsi dadah halusinogen semasa pembedahan adalah sebagai ubat bius untuk mengurangkan kesakitan <i>The function of the hallucinogen drug during surgery is to act as an anaesthetic to reduce pain and</i> 	1	
		<ul style="list-style-type: none"> Menjadikan pesakit tidak sedarkan diri supaya mereka tidak merasa sakit atau sedar semasa pembedahan dijalankan. <i>Make the patient unconscious, so they do not feel pain or become aware during the surgical procedure.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Semasa pembedahan, adalah penting pesakit tidak merasa sakit dan berada dalam keadaan tidak sedarkan diri bagi mengelakkan trauma, pergerakan tidak terkawal atau tindak balas tekanan yang boleh mengganggu prosedur pembedahan. Dadah jenis halusinogen mempengaruhi sistem saraf pusat dengan mengubah persepsi dan menghasilkan kesan sedatif atau disosiatif, yang membantu mengawal kesakitan dan mengekalkan keadaan tidak sedar. <i>During surgery, it is crucial that the patient does not feel pain and remains unconscious to avoid trauma, involuntary movements, or stress responses that could interfere with the surgical procedure. Hallucinogen-type drugs can affect the central nervous system by altering perception and inducing a sedative or dissociative effect, which helps in managing pain and maintaining unconsciousness.</i></p>	1	
(c)	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penagih dadah menunjukkan penurunan dari tahun 2016 hingga 2018. <i>The number of drug addicts shows a decreasing trend from the year 2016 to 2018.</i> Ini menunjukkan bahawa langkah-langkah pencegahan dan kesedaran mungkin telah berkesan dalam mengurangkan kadar penagihan dadah. <i>This suggests that preventive measures and awareness efforts might have been effective in reducing drug addiction rates.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Pada tahun 2016, jumlah penagih adalah 30 844. Jumlah ini menurun kepada 25 922 pada tahun 2017 dan seterusnya menurun lagi kepada 24 867 pada tahun 2018. Penurunan ini berlaku dalam kedua-dua kategori. Iaitu, penagih baharu dan penagih berulang. <i>In 2016, the total number of addicts was 30 844. This number dropped to 25 922 in 2017 and further decreased to 24 867 in 2018. The decline occurred in both categories. New addicts and relapsed addicts.</i></p>	1 1		

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
	(d)	<ul style="list-style-type: none"> Sebilangan atlet menyalahgunakan dadah dan bahan terlarang untuk meningkatkan prestasi fizikal seperti menambah kekuatan, ketahanan, atau kelajuan melebihi had semula jadi. <i>Some athletes misuse drugs and prohibited substances to enhance their physical performance, such as increasing strength, endurance, or speed beyond natural limits.</i> Mereka juga mungkin menggunakannya untuk pulih dengan lebih cepat daripada kecederaan <i>They may also use these substances to recover faster from injuries.</i> Namun begitu, tindakan ini memberikan kelebihan tidak adil kepada mereka, melanggar prinsip permainan adil, dan boleh menyebabkan risiko kesihatan serius seperti kerosakan organ, ketidakseimbangan hormon, atau kesan psikologi. <i>However, this gives them an unfair advantage over others, violates the principles of fair play, and can cause serious health risks like organ damage, hormonal imbalance, or psychological effects.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Dalam sukan berprestasi tinggi, atlet sepatutnya bergantung kepada latihan semula jadi, disiplin, dan kemahiran. Namun, ada atlet yang menggunakan dadah atau bahan perangsang seperti steroid, perangsang, atau bahan penambah hormon untuk meningkatkan jisim otot, mengurangkan keletihan, dan meningkatkan tindak balas. Tindakan ini dianggap penyalahgunaan dadah dan melanggar peraturan anti-doping. Penggunaan jangka panjang boleh menyebabkan ketagihan, kegagalan hati atau buah pinggang, penyakit jantung, dan gangguan psikologi seperti agresif atau kemurungan. <i>In competitive sports, athletes are expected to rely on natural training, discipline, and skill. However, some athletes resort to using performance-enhancing drugs such as steroids, stimulants, or hormone boosters to improve muscle mass, reduce fatigue, and increase reaction time. Long-term use of such drugs can lead to addiction, liver or kidney failure, cardiovascular diseases, and psychological disorders like aggression or depression.</i></p>	1	6
9	(a)	Sektor pengurusan sisa dan air sisa <i>Waste and wastewater management sector</i> <p>Penjelasan / Explanation: Rajah menunjukkan sampah yang terkumpul di dalam tong sampah, manakala pembuangan sisa kumbahan ke dalam sumber air yang menggambarkan masalah pengurusan sisa pepejal dan air sisa. <i>The diagram shows garbage collected in trash cans, while sewage waste is dumped into water sources, illustrating the problem of solid waste and wastewater management.</i></p>	1	


Soalan Questions	Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
(b)	<ul style="list-style-type: none"> Gas metana ialah gas rumah hijau di mana ia memerangkap haba lebih kuat berbanding karbon dioksida (CO₂). <i>Methane is a greenhouse gas that traps heat in the atmosphere much more effectively than carbon dioxide (CO₂).</i> Apabila jumlah metana meningkat dalam atmosfera, ia menyebabkan suhu bumi meningkat, lalu menyumbang kepada kesan rumah hijau dan mempercepatkan pemanasan global. <i>As the concentration of methane increases, the Earth's temperature rises, enhancing the greenhouse effect and accelerating global warming.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Pengumpulan gas metana menyumbang kepada pemanasan global dengan membebaskan gas rumah hijau yang meningkatkan suhu atmosfera. <i>Accumulation of methane gas contribute to global warming by releasing greenhouse gases that increase atmospheric temperature.</i></p>	1	
(c)	<ul style="list-style-type: none"> Pihak berkuasa tempatan memperkasa amalan 5R kerana ia dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, sekali gus mengurangkan pencemaran alam sekitar seperti bau busuk, pencemaran air dan udara. <i>The local authorities strengthen the 5R practice because it helps reduce the amount of solid waste sent to landfills, which in turn reduces environmental pollution such as foul smells, water, and air pollution.</i> Amalan 5R juga dapat menjimatkan kos pelupusan sisa, mengurangkan penggunaan sumber semula jadi, dan menggalakkan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang. <i>Furthermore, the 5R practice helps reduce waste disposal costs, minimise the use of natural resources, and promote environmental sustainability for future generations.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Langkah memperkasa amalan 5R adalah wajar kerana ia memberi manfaat kepada alam sekitar, ekonomi, dan masyarakat. <i>Strengthening the 5R practice is justified as it benefits the environment, economy, and society.</i></p>	1 1	
(d)	<p>Penyediaan baja kompos: <i>Preparation of compost:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> Tambahkan gula perang dan minuman berkultur ke dalam baldi. <i>Add brown sugar and cultured drink into the pail.</i> Kacau campuran tersebut untuk memastikan semua bahan bercampur dengan baik. <i>Stir the mixture to ensure all ingredients are well combined.</i> Tutup baldi dan biarkan campuran tersebut selama beberapa minggu untuk proses penguraian. <i>Cover the pail and allow the mixture to sit for several weeks for the decomposition process.</i> 	1 1 1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
		<p>Penjelasan / Explanation: Untuk menyediakan baja kompos, kumpulkan sisa organik dalam baldi bertutup yang berlubang, tambah gula perang dan minuman berkultur, kacau setiap minggu, biarkan mereput selama beberapa minggu, kemudian taburkan di atas tanah. <i>To prepare compost fertiliser, collect organic waste in a covered pail with holes, add brown sugar and cultured drink, stir weekly, let it decompose for a few weeks, then spread it on soil.</i></p>		7
10	(a)	(i) Kanta cembung <i>Convex len</i>	1	
		<p>Penjelasan / Explanation: Kanta dalam rajah itu menumpukan cahaya ke satu titik, yang merupakan ciri utama kanta cembung kerana ia menumpukan cahaya untuk membentuk imej yang jelas. <i>The lenses in the diagram converge light rays to a point, which is a main characteristic of a convex lens as it focuses light to form a clear image.</i></p>		
	(ii) Maya // Tegak // Dibesarkan <i>Virtual // Upright // Magnified</i>	1		
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> Kamera yang paling sesuai ialah kamera P. <i>The most suitable camera is camera P.</i> Kamera P mempunyai medan penglihatan yang paling luas, kerana panjang fokus (f) kanta adalah paling pendek. <i>Camera P has the widest field of vision because it has the shortest focal length (f).</i> Ini membolehkan kamera merakam pemandangan yang lebih luas, sesuai untuk mengambil gambar landskap. <i>This allows the camera to capture a wider view, which is suitable for landscape photography.</i> 	2	
	(c)	 <ul style="list-style-type: none"> Tolak satu markah jika berlabel. <i>Deduct one mark if labelled</i> <p>Penerangan / Explanation:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kanta tebal ialah kanta objektif. Ia diletakkan di hujung hadapan teleskop untuk mengumpulkan cahaya dari objek jauh seperti permukaan bulan. <i>The thick lens is the objective lens. It is placed at the front end of the telescope to collect light from distant objects like the surface of the Moon.</i> 	1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
		<ul style="list-style-type: none"> Kanta nipis ialah kanta mata. Ia diletakkan di hujung belakang teleskop untuk membesarkan imej yang telah difokuskan oleh kanta objektif. <i>The thin lens is the eyepiece lens. It is placed at the rear end of the telescope to magnify the image formed by the objective lens.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Kanta tebal digunakan sebagai kanta objektif kerana ia boleh mengumpulkan lebih banyak cahaya dari objek jauh seperti bulan. Kanta nipis digunakan sebagai kanta mata kerana ia membesarkan imej yang dibentuk oleh kanta objektif. <i>The thick lens is used as the objective lens because it can gather more light from distant objects like the Moon. The thin lens is used as the eyepiece because it magnifies the image formed by the objective lens.</i></p>	1	7

Bahagian C/Section C

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
11	(a)	<p>Adakah meja berkaki kayu lebih kuat daripada meja berkaki buluh untuk menyokong balang air? <i>Is a table with wooden legs stronger than a table with bamboo legs to support a water jar?</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Soalan ini timbul daripada perbualan Ali dan Mutu tentang kekuatan meja berkaki kayu berbanding meja berkaki buluh (situasi perlu dimasukkan dalam pernyataan masalah). <i>This question arose from a conversation between Ali and Mutu about the strength of a table with wooden legs compared to a table with bamboo legs (the situation should be included in the problem statement).</i></p>	1	
	(b)	<p>Meja berkaki buluh (berongga) lebih kuat menyokong balang air berbanding meja berkaki kayu (padat). <i>A table with bamboo legs (hollow) is stronger at supporting a jar of water than a table with wooden legs (solid).</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Hipotesis ini menyokong pandangan Ali bahawa meja berkaki kayu mudah patah. <i>This hypothesis supports Ali's view that tables with wooden legs break easily.</i></p>	1	
	(c) (i)	<p>Jenis silinder // Silinder berongga dan silinder padat <i>Types of cylinders // Hollow cylinders and solid cylinders</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Pemboleh ubah dimanipulasi (PM) adalah perkara yang perlu diubah / ditukar / dibezakan dalam satu eksperimen. Jika tidak diubah / ditukar / dibezakan eksperimen tidak akan berjaya dan ini biasanya menjadi sesuatu yang berbeza dari awal eksperimen <i>A manipulated variable (PM) is something that needs to be changed/altered/differentiated in an experiment. If it is not changed/altered/differentiated the experiment will not be successful and this will usually be something different from the beginning of the experiment.</i></p>	1	

Soalan Questions	Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
(ii)	<p>Bilangan buku teks yang boleh disokong oleh silinder <i>The number of textbook that can be supported by cylinder</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Pemboleh ubah bergerak balas adalah hasil eksperimen atau keputusan penyiasaan yang dicari. <i>The responding variable is the outcome of the experiment or investigation that is seek.</i></p>	1	
(d)	 <p>Penjelasan / Explanation:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rajah berfungsi <i>Functional diagram</i> • Sekurang-kurangnya 3 label <i>At least 3 labels</i> 	1 1	
(e)	<p>Bilangan buku yang boleh disokong oleh silinder berongga lebih banyak (daripada silinder padat). <i>The number of books that can be supported by a hollow cylinder is greater (than a compact cylinder).</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Silinder berongga lebih kuat berbanding silinder padat. <i>A compact cylinder stronger than the hollow cylinder.</i></p>	1	
(f)	<ul style="list-style-type: none"> • Paksi-X: Jenis silinder <i>X-axis: Type of cylinder</i> • Paksi-Y: Bilangan buku teks yang boleh disokong oleh silinder <i>Y-axis: The number of textbook that can be supported by cylinder</i> • Tajuk carta: Bilangan buku teks yang boleh disokong oleh silinder melawan jenis silinder <i>Title of the bar chart: The number of textbook that can be supported by cylinder against type of cylinder</i> <p>Penjelasan / Explanation:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Paksi X mewakili pemboleh ubah dimanipulasikan. <i>The X-axis represents the manipulated variable.</i> • Paksi Y: Pemboleh ubah bergerak balas. <i>The Y-axis represents the responding variable.</i> • Tajuk memberi gambaran keseluruhan tentang apa yang dibandingkan dalam carta dan membantu pembaca memahami konteks eksperimen. <i>The title gives an overview of what is being compared in the chart and helps the reader understand the context of the experiment.</i> 	1 1 1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
12	(a)	<ul style="list-style-type: none"> Sel elektrolitik <i>Electrolytic cell</i> Sel kimia <i>Chemical cell</i> <p>Penjelasan / Explanation: Sel elektrokimia terbahagi kepada dua kategori utama iaitu sel kimia (menjana elektrik daripada tindak balas kimia spontan) dan sel elektrolitik (menggunkan elektrik untuk mendorong tindak balas tidak spontan) <i>Electrochemical cells are divided into two main categories: chemical cells (generate electricity from spontaneous chemical reactions) and electrolytic cells (use electricity to induce nonspontaneous reactions).</i></p>	1 1	
	(b)	<p>Sel M : Leburan plumbum(II) bromida <i>Cell M : Molten lead(II) bromide</i> Sel N : Larutan kuprum(II) sulfat <i>Cell N : Copper(II) sulphate solution</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Elektrolit ialah bahan yang boleh mengalirkan arus elektrik apabila dilarutkan dalam air atau dalam bentuk lebur, dengan menghasilkan ion-ion. Ion-ion ini membawa arus elektrik dalam larutan. Penentuan elektrolit dalam sel M dan N berdasarkan rajah. <i>Electrolytes are substances that can conduct electric current when dissolved in water or in molten form, by producing ions. These ions carry electric current in solution. Determination of electrolytes in M and N cells based on the diagram.</i></p>	1 1	
	(c)	<ul style="list-style-type: none"> Sel M memerlukan bateri sebagai sumber tenaga elektrik untuk menguraikan leburan plumbum(II) bromida manakala sel N tidak memerlukan bateri kerana ia menghasilkan tenaga elektrik sendiri melalui tindak balas kimia elektrod kuprum dan elektrod magnesium. <i>Cell M requires a battery as a source of electrical energy to decompose molten lead(II) bromide while the cell N does not require a battery because it produces its own electrical energy through the chemical reaction of the copper electrode and the magnesium electrode.</i> Sel M menggunakan elektrod karbon (grafit) yang tidak bertindak balas dalam elektrolisis manakala sel N menggunakan elektrod logam, iaitu magnesium dan kuprum, yang bertindak balas dalam penghasilan tenaga elektrik. <i>Cells M use carbon (graphite) electrodes which do not react in electrolysis while cell N use metal electrodes, namely magnesium and copper, which react in the production of electrical energy.</i> Di sel M, anod merupakan terminal positif dan katod merupakan terminal negatif manakala di sel N, anod merupakan terminal negatif dan katod merupakan terminal positif. <i>In the cell M, the anode is the positive terminal and the cathode is the negative terminal while in the cell N, the anode is the negative terminal and the cathode is the positive terminal.</i> 	1 1 1	

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
		<ul style="list-style-type: none"> Di sel M, aliran elektron daripada terminal positif ke terminal negatif manakala di sel N, aliran elektron dari terminal negatif ke terminal positif. <i>In the cell M, electrons flow from the positive terminal to the negative terminal while in the cell N, electrons flow from the negative terminal to the positive terminal.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Perbezaan rujuk kepada rajah dan nyatakan perbezaan antara sel elektrolitik dan sel kimia. <i>Refer to the diagram and state the differences between electrolytic cells and chemical cells.</i></p>	1	
(d)	(i)	<p>Pasangan logam zink-kuprum berada lebih jauh dalam siri elektrokimia berbanding zink-besi. <i>The zinc-copper metal pair is farther apart in the electrochemical series compared to the zinc-iron pair.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Jarak antara zink dan kuprum dalam sel elektrokimia lebih jauh berbanding jarak zink dan besi. <i>The distance between zinc and copper in an electrochemical cell is greater than the distance between zinc and iron.</i></p>	1	
	(ii)	<p>Pemindahan elektron adalah lebih besar kerana perbezaan keelektropositifan antara zink dan kuprum adalah lebih besar dari zink dan besi. <i>The transfer of electrons is greater because the difference in electropositivity between zinc and copper is greater than zinc and iron.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Perbezaan keelektropositifan antara zink dan kuprum adalah lebih besar daripada perbezaan antara zink dan besi. <i>The difference in electropositivity between zinc and copper is larger than the difference between zinc and iron.</i></p>	1	
	(iii)	<p>Voltan yang dihasilkan pasangan elektrod zink-kuprum adalah lebih tinggi berbanding pasangan elektrod zink-besi <i>The voltage produced by a zinc-copper electrode pair is higher than that of a zinc-iron electrode pair.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Perbezaan keelektropositifan antara zink dan kuprum adalah lebih besar daripada perbezaan antara zink dan besi. <i>The difference in electropositivity between zinc and copper is larger than the difference between zinc and iron.</i></p>	1	
	(iv)	<p>Mentol LED menyala lebih cerah bagi pasangan elektrod zink kuprum kerana arus yang mengalir adalah lebih besar. <i>The LED bulb lights up brighter for the zinc-copper electrode pair because the current flowing is greater.</i></p> <p>Penjelasan / Explanation: Perbezaan keelektropositifan antara zink dan kuprum adalah lebih besar daripada perbezaan antara zink dan besi. <i>The difference in electropositivity between zinc and copper is larger than the difference between zinc and iron.</i></p>	1	

12

Soalan Questions		Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
13	(a)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan teknologi moden <i>Use of modern technology</i> • Penggunaan baka bermutu <i>Use of quality breed</i> • Pengurusan tanah yang cekap <i>Efficient land management</i> • Penyelidikan dan pembangunan <i>Research and development</i> • Penggunaan tanah dan kawasan perairan secara optimum <i>Optimal use of land and water resources</i> • Pendidikan dan bimbingan kepada para petani <i>Education and guidance for farmers</i> <p style="text-align: right;">[mana-mana dua jawapan] [any two answers]</p> <p>Penjelasan / Explanation: Dengan menggabungkan pendekatan-pendekatan ini, pengeluaran makanan dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan dan berdaya saing. <i>By combining these approaches, food production can be enhanced more effectively and competitively</i></p>	2	
	(b)	<ul style="list-style-type: none"> • Mempercepat proses penanaman <i>Speed up the rate of crop planting</i> • Jentera ini mengurangkan keperluan untuk kerja berat manual, memudahkan petani dan mengurangkan risiko kecederaan. <i>This machine reduces the need for heavy manual labor, making it easier for farmers and decreasing the risk of injury</i> • Dengan penggunaan jentera, proses seperti pengairan dapat dilakukan dengan lebih tepat, mengurangkan pembaziran air dan sumber lain. <i>The use of machinery allows processes such as irrigation to be carried out more accurately, minimising waste of water and other resources.</i> <p style="text-align: right;">[mana-mana dua jawapan] [any two answers]</p> <p>Penjelasan / Explanation: Menggunakan jentera dalam pertanian meningkatkan kecekapan kerja, mengurangkan pembaziran sumber, dan mengurangkan beban kerja manusia, yang membolehkan petani menyelesaikan lebih banyak tugas dalam masa yang lebih singkat dan dengan cara yang lebih selamat. Selain itu, penggunaan jentera membantu menghasilkan hasil yang lebih berkualiti dan menyokong amalan pertanian yang lestari. <i>Using machinery in agriculture increases work efficiency, reduces resource waste, and lessens the physical burden on farmers, allowing farmers them to complete more tasks in a shorter time and in a safer manner. Additionally, the use of machinery helps produce higher quality yields and supports sustainable farming practices.</i></p>	2	

Soalan Questions	Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
(c)	<ul style="list-style-type: none"> • Klon hibrid meningkatkan ketahanan terhadap penyakit dan cuaca, mengurangkan kerugian hasil. <i>Hybrid clones improve resistance to diseases and weather, reducing crop losses.</i> • Hasil tanaman yang tinggi membolehkan petani mendapatkan lebih banyak buah dari kawasan yang sama, meningkatkan pendapatan dan kecekapan penggunaan tanah. <i>High yield allows farmers to harvest more fruit from the same area, increasing income and efficiency in land use.</i> • Ciri rasa yang lebih manis dan tekstur yang lebih rangup menjadikan Bintang Mas lebih menarik kepada pengguna, meningkatkan permintaan dan nilai pasaran. <i>The sweeter taste and crunchier texture make Bintang Mas more appealing to consumers, increasing demand and market value.</i> • Dengan tempoh matang yang lebih singkat, petani dapat menuai hasil lebih awal dan berulang kali dalam satu musim, meningkatkan jumlah pengeluaran dan keuntungan. <i>A shorter maturity period allows farmers to harvest earlier and multiple times in a season, increasing overall production and profits.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Belimbing Bintang Mas merupakan klon hibrid yang tahan penyakit dan cuaca ekstrem, maka dapat mengurangkan kerugian tanaman dan menjamin kestabilan hasil, sekaligus meningkatkan kecekapan industri pengeluaran makanan. Ia juga mempunyai hasil tanaman yang tinggi, membolehkan lebih banyak buah dihasilkan dalam satu musim, meningkatkan bekalan makanan dan keuntungan kepada petani. Selain itu, buah ini lebih manis dan rangup, menjadikannya lebih digemari pengguna, sekaligus meningkatkan permintaan pasaran dan nilai komersial produk. Tambahan pula, dengan tempoh matang yang lebih singkat, pengeluar dapat mempercepatkan kitaran penanaman dan tuaian, membolehkan lebih banyak pusingan pengeluaran dalam setahun dan meningkatkan produktiviti industri secara keseluruhan. <i>'Bintang Mas' is a hybrid clone that resists disease and extreme weather, helping reduce crop loss and ensure consistent yields, which improves efficiency in food production. Its high yield means more fruits are produced per season, boosting food supply and farmers' income. Moreover, the fruit is sweeter and crunchier, making it more appealing to consumers and increasing market demand and product value. Additionally, the shorter maturity period allows for faster planting and harvesting cycles, enabling more frequent production throughout the year, which raises overall industry productivity.</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	

Soalan Questions	Jawapan Answers	Sub markah Subs marks	Jumlah markah Total marks
(d)	<ul style="list-style-type: none"> • MARDI membantu petani memahami teknik pertanian terkini dan inovasi dalam pengeluaran makanan, yang meningkatkan pengetahuan mereka tentang amalan pertanian yang lebih baik. <i>MARDI helps farmers understand the latest agricultural techniques and innovations in food production, enhancing their knowledge of better farming practices.</i> • Dengan bimbingan MARDI, petani dapat mengaplikasikan teknologi moden seperti sistem pengairan pintar dan penggunaan baja yang tepat, meningkatkan hasil tanaman dan kualiti produk. <i>With MARDI's guidance, farmers can apply modern technologies such as smart irrigation systems and precise fertiliser use, improving crop yields and product quality.</i> • MARDI membimbing petani dalam pengurusan sumber seperti air dan tanah, memastikan penggunaan yang efisien dan berlanjutan, yang penting dalam menghadapi cabaran perubahan iklim. <i>MARDI guides farmers in managing resources such as water and soil, ensuring efficient and sustainable use, which is crucial in facing climate change challenges.</i> • Dengan memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru, petani dapat meningkatkan pendapatan mereka melalui pengeluaran yang lebih tinggi dan kualiti produk yang lebih baik. <i>By gaining new knowledge and skills, farmers can increase their income through higher production and better product quality.</i> <p>Penjelasan / Explanation: Tindakan MARDI memberi bimbingan kepada petani adalah wajar kerana ia membantu memastikan teknologi pengeluaran makanan yang dibangunkan dapat digunakan dengan betul dan berkesan di peringkat ladang. Dengan bimbingan yang betul, petani dapat menguasai teknik moden seperti penggunaan baja, pengurusan perosak dan sistem penanaman yang lebih efisien, sekali gus meningkatkan hasil dan kualiti tanaman. Selain itu, bimbingan ini membantu mengurangkan kebergantungan kepada kaedah tradisional yang kurang produktif, serta membolehkan petani mengadaptasi inovasi baru dengan lebih cepat dan selamat. Akhir sekali, ia juga menggalakkan kelestarian dan pembangunan sektor pertanian negara, sekaligus menyumbang kepada jaminan bekalan makanan yang berterusan untuk negara. <i>MARDI's action of providing guidance to farmers is justified because it ensures that food production technologies developed in research are applied correctly and effectively in the field. With proper guidance, farmers can adopt modern techniques such as fertilisation methods, pest control, and efficient planting systems, which lead to improved crop yield and quality. Furthermore, it helps reduce reliance on traditional methods that are less productive, and allows farmers to adopt innovations more quickly and safely. Lastly, it promotes sustainable agricultural development, contributing to the continuous and secure food supply for the country.</i></p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p>	12

- 1 C** Bahan yang boleh dibuang ke dalam singki ialah cecair atau larutan yang berkepekatan rendah dan tidak berbahaya seperti bahan neutral, asid lemah dan alkali lemah.
Substances that can be disposed of into the sink are liquids or solutions that are of low concentration and not hazardous, such as neutral substances, weak acids and weak alkalis.
- 2 C** Alat pemadam kebakaran jenis karbon dioksida (CO₂) mempunyai label berwarna hitam kerana setiap jenis pemadam api mempunyai kod warna yang berbeza untuk memudahkan pengenalpastian semasa kecemasan. Warna biru adalah untuk pemadam jenis serbuk kering, warna krim adalah untuk pemadam jenis buih, dan warna merah adalah untuk pemadam jenis air. Oleh itu, hanya warna hitam yang mewakili pemadam jenis karbon dioksida.
The carbon dioxide (CO₂) type fire extinguisher has a black label because each type of fire extinguisher has a different colour code to allow easy identification during emergencies. The colour blue represents the dry powder type, cream represents the foam type, and red represents the water type. Therefore, only the colour black represents the carbon dioxide type fire extinguisher.
- 3 A**
- Suhu badan normal manusia ialah 36.9°C. Suhu lelaki tersebut ialah 37.5°C, iaitu sedikit melebihi normal.
Normal human body temperature is 36.9°C. The man's temperature is 37.5°C, which is slightly above normal.
 - Terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan suhu badan melebihi normal seperti jangkitan bakteria atau virus, pendedahan kepada sinaran matahari yang melampau, dan strok haba.
There are several factors that can cause body temperature to exceed normal, such as bacterial or viral infection, excessive exposure to sunlight, and heat stroke.
 - Walau bagaimanapun, dalam situasi ini, faktor yang paling sesuai ialah senaman berat kerana ia menyebabkan otot bekerja lebih keras dan menghasilkan lebih banyak haba, lalu menaikkan suhu badan sementara.
However, in this situation, the most suitable factor is vigorous exercise as it causes muscles to work harder and produce more heat, temporarily raising the body temperature.
- 4 B**
- Bacaan sfigmomanometer menunjukkan tekanan sistolik 137 mmHg dan tekanan diastolik 88 mmHg
The sphygmomanometer reading shows a systolic pressure of 137 mmHg and diastolic pressure of 88 mmHg
 - Tekanan sistolik 137 mmHg jatuh dalam julat 130–139 mmHg iaitu kategori berisiko
Systolic pressure of 137 mmHg falls within the range of 130–139 mmHg which is the at risk category
 - Tekanan diastolik 88 mmHg jatuh dalam julat 85–89 mmHg iaitu kategori berisiko
Diastolic pressure of 88 mmHg falls within the range of 85–89 mmHg which is the at risk category
 - Oleh itu, kategori tekanan darah dewasa tersebut ialah Berisiko
Therefore, the blood pressure category of the adult is At risk
- 5 B**
- $$\text{BMI} = \frac{\text{Jisim badan / Body mass (kg)}}{(\text{Ketinggian / Height})^2}$$
- $$= \frac{53 \text{ kg}}{(1.54 \text{ m})^2}$$
- $$= 22.3 \text{ kg m}^{-2}$$
- Berdasarkan jadual klasifikasi BMI, julat 18.5 – 24.9 kg m⁻² adalah kategori Jisim badan unggul.
Based on the BMI classification table, the range of 18.5 – 24.9 kg m⁻² falls under the Desirable weight category.
- 6 C**
- Rajah menunjukkan sebuah kolam berhampiran kebun sayur dengan ikan-ikan yang mati
The diagram shows a pond near a vegetable farm with fish that are dead or dying
 - Racun serangga yang digunakan secara berlebihan di kebun sayur akan mengalir masuk ke dalam kolam melalui air larian permukaan
Insecticides used excessively on the vegetable farm will flow into the pond through surface runoff
